

# Pelajar UMS mampu menjayakan program terbesar universiti

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conypearl09@gmail.com

UB 26.10.2012 B5

KOTA KINABALU: Keupayaan dan kredibiliti para pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menjayakan sesuatu program anjuran universiti sememangnya tidak dapat dinafikan.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Harun Abdullah berkata penglibatan pelajar dalam menjayakan sesuatu program universiti amat digalakkan.

Katanya, penglibatan itu dilihat mampu menambah nilai kepimpinan serta soft skill yang tidak diperolehi semasa dalam sesi pembelajaran akademik.

"Program Tamu Gadang sempena konvokesyen ke-14 pada kali ini merupakan yang pertama dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar dan hanya dipantau oleh pegawai UMS yang terlibat.

"Hal ini merupakan satu usaha positif dan sekaligus membuktikan bahawa siswa dan siswi UMS begitu komited dan mampu melaksanakan satu daripada program terbesar



**KASIM (kanan) menerima cenderahati daripada Muhammad Nur.**

universiti," katanya di Majlis Penutupan Tamu Gadang ke-14, pada malam Rabu lalu.

Teks ucapannya a disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur.

Dalam pada itu, Harun turut mengingatkan para pelajar agar tidak melupakan pengisian program pada masa hadapan dengan menyuntik elemen ilmiah dalam hiburan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi

yang dihormati masyarakat.

"Pada hemat saya, elemen hiburan di UMS juga harus mempunyai citra budaya tinggi untuk memupuk semangat cintakan ilmu dalam kalangan masyarakat setempat," ujarnya.

Turuthadir, Ketua Pengarah Tamu Gadang, Muhammad Nur Iskandar, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS sesi 2012/2013, Mohd Juhar Harun dan tetamu kehormat yang lain.